

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 24 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1132-L1277
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bentuk insentif dan pengurangan cukai bagi sektor-sektor terpenting negara seperti pendidikan dan teknologi maklumat.
2. PN-1132-L1190
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah sistem pelajaran secara menyeluruh (holistic) akan diperkenalkan di sekolah-sekolah di seluruh negara di mana sistem ini bukan bersifat mementingkan peperiksaan tetapi akan melahirkan pelajar yang serba boleh, daya kreativiti yang tinggi, sifat pemikiran kritikal dan inovatif dalam sains dan teknologi yang boleh mempercepatkan negara mencapai matlamat Wawasan 2020.
3. PN-1132-L921
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah tindakan dari segi penguatkuasaan telah di ambil oleh Kerajaan mengenai kes penyorokan gula.
4. PN-1132-L1058
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan memandangkan Jabatan Penerangan kurang membantu aktiviti di kawasan-kawasan Parlimen dan daerah dari segi publisiti program ataupun maklumat berkenaan kawasan tertentu, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi kekurangan ini.

5. PN-1132-L1211
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam pembinaan rumah-rumah di atas atau di bawah cerun bukit memandangkan kejadian tanah runtuh semakin menjadi-jadi di kawasan perumahan. Apakah langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan.
6. PN-1132-L1155
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan di manakah destinasi yang agak sesuai bagi rakyat Malaysia untuk melancong, yang tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi di negara Asia ini yang terjamin keselamatannya. Di manakah destinasi baru di Asia dan Eropah yang sesuai dengan rakyat berpendapatan sederhana seperti di Hong Kong. Apa kelebihan tempat-tempat ini.
7. PN-1132-L1037
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan memberi kemudahan kepada Air Asia untuk beroperasi menggunakan terminal sendiri (LCCT) sedangkan lokasinya lebih jauh daripada terminal utama KLIA di mana secara tidak langsung menyukarkan penumpang transit yang ingin menggunakan perkhidmatan.
8. PN-1132-L901
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Lebuhraya Pantai Timur telah disiapkan dan diguna pakai, akan tetapi masih ada banyak bahagian di lebuhraya yang menakung air apabila hujan, dan ini adalah sangat berbahaya kepada pengguna-pengguna lebuhraya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.
9. PN-1132-L1068
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian menjalankan kelas-kelas khas bagi pelajar-pelajar cemerlang dan lemah dalam pelajaran bagi semua kaum di sekolah-sekolah menengah untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.
10. PN-1132-L1196
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang usaha mewujudkan institusi keluarga yang mantap seperti yang terdapat dalam Pelan Integriti Nasional. Apakah program-program spesifik yang dirancang oleh Kementerian untuk mencapai sasaran ini. Dulu ada kempen 'Rumahku Syurgaku', sila laporkan juga setakat mana kejayaannya.

11. PN-1132-L917
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah pihak Kerajaan ada melakukan pemantauan ke atas akhbar-akhbar tempatan yang ada kalanya melaporkan sesuatu laporan atau berita yang mempunyai unsur-unsur atau niat melaga-lagakan sesama pemimpin dan mengelirukan rakyat, kerana ini boleh menjejaskan kestabilan negara; dan
 - (b) apakah tindakan yang dikenakan ke atas akhbar-akhbar tempatan yang didapati sengaja memutarbelitkan sesuatu isu yang lebih menjuruskan kepada keresahan rakyat kepada Kerajaan.
12. PN-1132-L821
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai sasaran ketiga Pelan Integriti Nasional yang menekankan usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan yang berintegriti.
13. PN-1132-L1281
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi Kementerian untuk mengintegrasikan sukan sebagai alat menyatu padukan masyarakat.
14. PN-1132-L1233
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah Kerajaan sanggup menanggung rugi sebanyak RM120 juta bagi pembangunan bangunan MATRADE sedangkan ianya telah terbengkalai selama 9 tahun. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan wang itu dapat dituntut berserta kos-kos kelewatannya daripada kontraktor asal projek tersebut.
15. PN-1132-L1007
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian untuk mengurangkan penularan penyalahgunaan najis dadah mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Majlis Anti Dadah Kebangsaan di seluruh negara:-
- (a) berapakah jumlah penagih yang dapat dikesan mengikut negeri sejak 2000 ; dan
 - (b) tangkapan yang sudah dibuat kepada pengedar dadah.

16. PN-1132-L985
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah faktor yang melambatkan pelaksanaan dasar cuti bersalin (maternity) selama 90 hari. Apakah implikasi terhadap ekonomi negara jika dasar ini dilaksanakan.
17. PN-1132-L890
Tuan Chiam Yong Tee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan tentang cadangan untuk mewujudkan panel 3 orang hakim membicarakan kes-kes Mahkamah Tinggi. Jika ya, bila ia dapat dilaksanakan.
18. PN-1132-L1088
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian sedar ada sebahagian jalan raya utama Persekutuan yang dalam keadaan lebar dan lurus tiba-tiba mengecil kerana jambatan kecil yang dibina sejak zaman penjajahan masih digunakan hingga ke hari ini. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
19. PN-1132-L1258
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan dalam memastikan keselamatan terhadap makanan yang diimport dari luar negara dari segi kandungan dan tahap kebersihannya.
20. PN-1132-L1297
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Sistem Meritokrasi yang sekarang ini diguna pakai masih relevan dan sesuai digunakan oleh semua lapisan kaum serta adakah ianya menguntungkan pelajar luar bandar yang terpaksa belajar dalam suasana serba kekurangan berbanding dengan pelajar di bandar.
21. PN-1132-L827
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) sejauh manakah kebenaran wujudnya kelompok pelajar-pelajar homoseksual di kalangan pelajar-pelajar sekolah berasrama lelaki; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji implikasinya terhadap misi nasional terhadap pembangunan modal insan seperti yang disarankan dalam RMK-9.

22. PN-1132-L941
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah pelancong-pelancong asing melancong ke Malaysia dengan pakej "zero tour", apakah kesannya dan langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan praktis ini.
23. PN-1132-L1103
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan ramai pembeli rumah baru sering ditipu oleh pemaju perumahan, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dan kenapa ramai pemaju-pemaju perumahan ini masih bebas dan tidak diambil tindakan undang-undang.
24. PN-1132-L940
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 10 contoh kejayaan utama yang boleh diukur dan 5 contoh kejayaan utama yang sukar diukur dalam peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam setakat ini. Apakah ilmu pengetahuan atau "learnings" yang diperolehi dalam contoh-contoh tersebut.
25. PN-1132-L1266
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Syarikat GLC telah berjaya dalam membangunkan Dasar Ekonomi Negara iaitu memperbanyakkan usahawan Bumiputera.
26. PN-1132-L1172
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyambung laluan Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa Ketiga) sehingga ke Kelantan.
27. PN-1132-L1202
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana setelah diwujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan sejak 1988 yang jelas antara terma rujukannya untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang cekap, berdisiplin serta efektif tanpa kerehah birokrasi, namun perkhidmatan Kerajaan masih dipersoalkan terutama sistem penyampaian perkhidmatan awam.
28. PN-1132-L1123
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai peruntukan yang akan dibelanjakan untuk bangunan Sekolah-sekolah Tamil Bantuan Modal yang masih dalam keadaan yang usang dan memerlukan kemudahan asas.

29. PN-1132-L1234
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyerlahkan industri pelancongan serta menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007. Perancangan strategik amat diperlukan bagi menjayakan RMK-9. Selain dari itu, nyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memperkasakan agen-agen pelancongan di Malaysia untuk industri pelancongan di mata dunia.
30. PN-1132-L861
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa memandangkan negara kian maju dalam era dunia tanpa sempadan ini, apakah strategi Kementerian bagi melahirkan graduan yang berdaya saing, berketerampilan dan produktif bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di masa depan.
31. PN-1132-L1132
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengapakah Malam Simfoni Irama Malaysia baru-baru ini hanya diminati oleh golongan lama, sedangkan anak muda merasa bosan kerana rancangannya terlalu lama bahkan tidak langsung memberi kesedaran kepada mereka kerana corak persembahan Akademi Fantasia telah menjiwai sanubari mereka. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi perkara ini.
32. PN-1132-L1082
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf perkhidmatan kesihatan di luar bandar dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil alih pengurusan Hospital Gombak.
33. PN-1132-L1217
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam usaha meningkatkan mutu bola sepak negara yang semakin merosot.
34. PN-1132-L1063
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit khas di peringkat nasional, negeri dan daerah untuk memantau program-program bagi meningkatkan ekuiti masyarakat India ke 3% dapat dicapai dalam RMK-9 dengan sepenuhnya.
35. PN-1132-L1179
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramaikah bekas-bekas tentera yang mendapat pencen kurang daripada RM300 dan apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf kemiskinan bekas-bekas tentera yang terlibat.

36. PN-1132-L982
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelajar cemerlang ditawarkan biasiswa JPA bagi tahun pengajian 2006/2007. Daripada jumlah ini berapa ramaikah pelajar keturunan India ditawarkan biasiswa JPA di dalam dan di luar negara bagi pengambilan 2006/2007.
37. PN-1132-L1045
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat pengesahan yang menunjukkan terdapatnya aktiviti perjudian semasa pilihan raya umum negeri Sarawak baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan kejadian ini berlaku pada pilihan raya umum di masa hadapan.
38. PN-1132-L960
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia mengikut kaum yang telah diisytiharkan mufliis sehingga Mei, 2006.
39. PN-1132-L1044
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah wujud keperluan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dikaji semula peranan dan hala tujunnya memandangkan keperluan dan cabaran baru dalam dunia urus niaga pertanian ini.
40. PN-1132-L929
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi menentukan murid yang tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat IPTA, IPTS, kolej dan tingkatan enam dapat meneruskan menimba ilmu dalam bidang-bidang yang tertentu yang diperlukan masa kini. Adakah Kementerian membuat penyelidikan bagi murid-murid yang keciciran ini.
41. PN-1132-L879
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar lepasan matrikulasi dan STPM yang telah memohon dan diterima masuk ke IPTA bagi tahun 2003 sehingga 2006 mengikut pecahan kaum serta kursus yang ditawarkan.
42. PN-1132-L992
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah sebenar kakitangan MAS yang bersetuju mengambil MSS setelah tamat tempoh tawaran. Nyatakan jumlah peratusannya mengikut kaum dan peratusan mengikut kategori perjawatan.

43. PN-1132-L1131
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan jangka panjang dan jangka pendek yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kekurangan bekalan gula dan barangan harian yang lain di negara kita.
44. PN-1132-L942
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan borang yang diguna pakai yang tertera dalam fasa 88 (2), Akta Pendidikan 1996 untuk mendaftar pengelola institusi pendidikan.
45. PN-1132-L962
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh mana kempen memperkenalkan batik dan songket Malaysia di seluruh dunia. Berapakah pulangan pendapatan industri batik dan songket terutama di Kelantan kepada pendapatan negara.
46. PN-1132-L1227
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan jangka panjang yang diambil oleh Kementerian bagi membendung kumpulan-kumpulan bermotosikal yang berleluasa kebelakangan ini di samping mengawal mereka daripada menggunakan laluan kereta sedangkan laluan khusus motosikal telah pun disediakan.
47. PN-1132-L1195
Tuan Tan Bon You minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar inflasi negara bagi tahun 1990, 1995, 2000 dan 2005 dan sama ada tindakan yang diambil pada masa itu telah dapat membendung kenaikan kadar inflasi.
48. PN-1132-L854
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa anak seorang wanita warganegara Malaysia di luar negara tidak dapat didaftarkan di kedutaan-kedutaan Malaysia jika suaminya bukan berwarganegara Malaysia walaupun wanita itu memilih untuk anaknya didaftarkan dengan kerakyatan Malaysia yang mana ini bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.
49. PN-1132-L907
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setakat ini berapa banyak 'hypermarket' asing yang telah diberikan lesen beroperasi di negara ini dan apakah kewujudannya tidak akan memberi kesan negatif kepada peluang perniagaan pengeluar dan pembekal kecil tempatan termasuk enterprise kecil dan sederhana (EKS).

50. PN-1132-L1150
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai projek lebuhraya baru dalam Kuala Lumpur yang sedang dan dalam pembinaan dalam tempoh RMK-9, yang diuruskan oleh DBKL dan JKR. Berapakah jumlah kos pembinaannya tiap-tiap satu. Adakah ianya melibatkan pengambilan tanah dan apakah masalah-masalah yang dihadapi dengan penduduk setempat.
51. PN-1132-L1078
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memorandum Majlis Peguam Malaysia untuk penubuhan satu badan bebas bernama The Judicial Services Commission untuk melantik Hakim-hakim di Mahkamah Tinggi Malaya dan bagi tujuan mengkaji kenaikan pangkat serta melantik Hakim-Hakim dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan dari Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan.
52. PN-1132-L1029
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menggantikan bahan bungkusan daripada plastik kepada kertas untuk memudahkan pelupusan sampah.
53. PN-1132-L833
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan strategik kemiskinan bandar di mana program dan projek di bawah Program Pembangunan Bersepadu Masyarakat Bandar akan disatukan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang meliputi penyediaan perumahan, penjana pendapatan, pendidikan dan latihan serta menubuhkan Pusat Sejahtera sebagai sumber maklumat bagi golongan miskin.
54. PN-1132-L844
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada penguatkuasaan yang tidak berkesan atau undang-undang masih belum mencukupi untuk mengatasi pencemaran alam di negara kita.
55. PN-1132-L1016
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah penjenayah-penjenayah berat seperti rompak bersenjata, membunuh, menyeludup senjata api, mercun, minuman keras dan rokok yang diharamkan pada tahun 2005 hingga Mei 2006 dan nyatakan jumlahnya serta kaum yang terlibat.

56. PN-1132-L878
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan penterjemah yang membantu pelancong-pelancong asing di lapangan terbang antarabangsa; dan
 - (b) adakah perkhidmatan penterjemahan ini telah berjaya menarik lebih ramai pelancong ke negara kita sejajar dengan tema "Malaysia Welcomes The World".
57. PN-1132-L1019
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan serta pemeriksaan kesihatan di negara ini dari tahun 2000-2005 dan sila nyatakan negara-negara asal mereka.
58. PN-1132-L1180
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil ke arah mereformasikan sistem pendidikan untuk menjadikannya tidak terlalu berorientasikan peperiksaan menjelang tahun 2020.
59. PN-1132-L1262
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah pihak Kementerian tidak memantau dan mengawal sehingga wujudnya 22 lintasan kereta api yang sah sahaja daripada 149 lintasan kereta api termasuk yang dibina tanpa kebenaran Jabatan Kereta Api Sabah ; dan
 - (b) tahun 2002 hingga Mei 2006 sebanyak 23 kemalangan melibatkan kereta api dan orang awam berlaku kebanyakannya di kawasan lintasan haram. Adakah Kementerian bercadang menyediakan infrastruktur sokongan jalan susur keluar, papan tanda amaran dan lintasan yang selamat bagi penduduk menyeberangi landasan kereta api.
60. PN-1132-L1271
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kejayaan pihak PDRM membasmi dan mengurangkan kegiatan jenayah sehingga kini. Nyatakan statistik dari tahun 2000 hingga akhir tahun 2005.

61. PN-1132-L1095
Datuk Chew Yun Ming minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan pada hari ini, pelbagai masalah berkaitan dengan kad pengenalan Mykad sering berlaku sehingga mencapai satu tahap kebimbangan yang serius. Bagaimanakah kad pengenalan Mykad boleh dimiliki oleh warga asing dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membendung masalah yang serius ini.
62. PN-1132-L968
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tidakkah sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semakin merosot dengan banyaknya kegiatan tanah runtuh di kawasan projek perumahan sekarang ini. Bolehkah Kerajaan mengadakan undang-undang dan tribunal khusus supaya orang ramai boleh mendakwa PBT di atas malapetaka tersebut.
63. PN-1132-L845
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah nisbah antara doktor dan penduduk yang disasarkan oleh Malaysia menjelang 2020 dan apakah perancangan jangka panjang untuk mencapai sasaran ini.
64. PN-1132-L1051
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran mengenai projek membina dan menaik taraf Jalan Seremban-Kuala Pilah seperti kos projek, tempoh projek, syarikat yang bertanggungjawab, peta *alignment* dan lain-lain.
65. PN-1132-L1224
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa projek yang ditender oleh Kementerian contohnya Projek Trans Eastern Kedah Interland Highway (Dari Durian Burung ke Kupang) Kedah. Pakej A dan Pakej B masih tidak boleh dijalankan walaupun telah mendapat Surat Setuju Terima setelah sekian lama (pada bulan Disember 2005). Adakah kelewatan ini disebabkan oleh pihak Kementerian atau Kerajaan Negeri.
66. PN-1132-L953
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah wanita yang berkahwin telah bercerai dengan pasangan pada tahun 2002, 2003, 2004, 2005 dan enam bulan pertama pada tahun 2006 dan apakah bentuk program yang boleh membantu golongan wanita yang bercerai atau dikenali sebagai Ibu Tunggal terutama mereka yang tidak berpendidikan dan tidak bekerja.

67. PN-1132-L1311
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan didapati bahawa 6.5 juta rakyat Malaysia yang bukan Islam makan daging khinzir, maka untuk memastikan bekalan daging-daging itu mencukupi, apakah tindakan dan rancangan yang sesuai telah diputuskan untuk melaksanakan 'Pig Farming Area' (PFA) di Semenanjung Malaysia seperti yang telah dipersetujui oleh Kabinet.
68. PN-1132-L1115
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah pemantauan dan indikator yang digunakan untuk memastikan setiap perancangan pembangunan sosioekonomi orang asli dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dapat dicapai.
69. PN-1132-L1249
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pemantauan dibuat oleh Kementerian berkaitan dengan kecuaiian penyelenggaraan (kontraktor) berkaitan tanah runtuh dan jalan raya di seluruh negara. Contohnya pada 27 Jun 2006 telah berlaku kejadian tanah runtuh di Jalan Sulaman-Karambunai, Sabah dan pada 2 Jun 2006 apabila jambatan Sungai Mandahan di Papar, Sabah runtuh mengakibatkan kematian dua pengguna jalan raya.
70. PN-1132-L1298
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program interaksi yang masih dan akan diadakan oleh pihak Kerajaan di peringkat antarabangsa untuk memberangsangkan dan mempergiatkan lagi pergerakan belia dalam negara ini.
71. PN-1132-L1287
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peranan, sumbangan dan langkah-langkah pro-aktif Kementerian dalam menangani gejala 'lepak siber' di kalangan para pelajar sekolah di kafe-kafe siber yang wujud di kawasan-kawasan perumahan.
72. PN-1132-L877
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pegawai Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam di Sabah akan ditambah bilangannya untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan Jabatan tersebut memandangkan kadar penyeludupan yang tinggi di negeri ini.
73. PN-1132-L1299
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah kes perkahwinan rakyat Malaysia yang dilakukan dan didaftarkan di Selatan Thailand sepanjang tahun 2005 serta adakah Kerajaan benar-benar serius membendung masalah ini, jika ya, nyatakan.

74. PN-1132-L1326
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar bahawa peguam-peguam dari Semenanjung Malaysia tidak boleh mewakili klien dari Semenanjung untuk kes-kes di Sabah dan Sarawak. Jika betul mengapa dan bilakah perkara tersebut boleh diselaraskan.
75. PN-1132-L1317
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setakat ini, adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi MAS berbanding dengan Air Asia selepas MAS diselamatkan oleh Kerajaan memandangkan promosi industri pelancongan telah diperhebatkan, adakah Kerajaan berminat untuk menubuhkan syarikat penerbangan yang ketiga.
76. PN-1132-L1324
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf kemudahan di Terminal LCCT contohnya mengadakan perkhidmatan bas untuk mengangkut penumpang daripada dikehendaki berjalan kaki semasa hendak menaiki kapal terbang.
77. PN-1132-L1333
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penggulangan syarikat mengikut taraf bumiputera dan bukan bumiputera sehingga Mei, 2006 serta nyatakan jumlah kes yang sedang dalam tindakan mahkamah untuk kedua-dua kategori tersebut.
78. PN-1132-L1109
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian dalam meningkatkan prestasi guru-guru yang sudah kurang berkemampuan dalam pengajaran sebagai contoh tidak dapat menguasai ilmu ICT.
79. PN-1132-L897
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat menangani imej kehakiman negara yang semakin tercalar akibat banyak surat-surat layang yang mendakwa hakim-hakim di Malaysia makan rasuah semasa menjalankan proses pengadilan.
80. PN-1132-L950
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan perkembangan projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) yang memfokus kepada Perpustakaan Desa dan Klinik Desa dan adakah ia masih relevan buat masa kini. Adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi bilangan Perpustakaan Desa dan juga Klinik Desa ini.

81. PN-1132-L913
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah tambang yang dikenakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kepada warganegara asing untuk datang ke negara ini jauh lebih rendah daripada yang dikenakan kepada penumpang tempatan, dan kenapa pula kadar tambang pesawat penerbangan asing jauh lebih murah daripada pesawat MAS untuk destinasi Kuala Lumpur ke luar negara.
82. PN-1132-L1114
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pihak Kementerian telah membuat kajian yang mendalam sebelum berhasrat memperkenalkan cara mengendali dan penggunaan senjata kepada peserta PLKN dan apakah rasional pelaksanaannya.
83. PN-1132-L997
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ulasan mengenai peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perpaduan dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 17/2006) | Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 –
Menyambung semula Perbahasan atas masalah
“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali
yang kedua sekarang”. [20 Julai 2006] | |
| 2. | (D.R. 16/2006) | Rang Undang-undang Kawalan Bekalan
(Pindaan) 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 19/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang
Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan)
2006 | “ |
| 4. | (D.R. 18/2006) | Rang Undang-undang Bank Negara
Malaysia (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 23/2006) | Rang Undang-undang Kepentingan
Antarabangsa Mengenai Kelengkapan
Bergerak (Pesawat Udara) 2006 | |
| 6. | (D.R. 15/2004) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan
(Pindaan) 2004 | “ |
| | | DAN | “ |
| | (D.R. 16/2004) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2004 | |
| 7. | (D.R. 11/2006) | Rang Undang-undang Profesion Undang-
undang (Pindaan) 2006 | “ |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.135	Perintah Universiti Darul Iman Malaysia (Pemerbadanan) 2006	24 Julai 2006
ST.139	Concerning The Authorization Of The Government Of Malaysia To Purchase Equipment As An Agent For And On Behalf Of The Bank And The Sale Thereof To The Government Of Malaysia For Use In The International Islamic University Malaysia (Phase II) Project In Malaysia.	24 Julai 2006
ST.140	Concerning The Authorization Of The Government Of Malaysia To Purchase Equipment As An Agent For And On Behalf Of The Bank And The Sale Thereof To The Government Of Malaysia For Use In The University Malaysia Sabah (Phase II) Project In Malaysia	24 Julai 2006
ST.141	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.9) 2006 -P.U.(A) 50 bertarikh 9 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.142	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.10) 2006 -P.U.(A) 51 bertarikh 9 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.143	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No.4) 2006 -P.U.(A) 54 bertarikh 9 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.144	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2006 -P.U.(A) 55 bertarikh 9 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.145	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga) (Pembatalan) 2006 -P.U.(A) 64 bertarikh 23 Februari 2006	24 Julai 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.146	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian)(No.5) 2006 -P.U.(A) 90 bertarikh 9 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.147	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) 2006 -P.U.(A) 112 bertarikh 23 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.148	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) 2006 -P.U.(A) 113 bertarikh 23 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.149	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.13) 2006 -P.U.(A) 114 bertarikh 23 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.150	Kaedah-kaedah Cukai Perkhidmatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Audit) 2006 -P.U.(A) 129 bertarikh 30 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.151	Kaedah-kaedah Cukai Perkhidmatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Bagi Penubuhan Amanah Pelaburan Harta Tanah Atau Tabung Amanah Harta) 2006 -P.U.(A) 135 bertarikh 30 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.152	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.14) 2006 -P.U.(A) 178 bertarikh 18 Mei 2006	24 Julai 2006
ST.153	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.15) 2006 -P.U.(A) 179 bertarikh 18 Mei 2006	24 Julai 2006
ST.154	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.16) 2006 -P.U.(A) 180 bertarikh 18 Mei 2006	24 Julai 2006
ST.155	Kaedah-kaedah Cukai Perkhidmatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Yang Dilakukan Bagi Pembangunan dan Pematuhan Kursus Baru Oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta) 2006 -P.U.(A) 184 bertarikh 25 Mei 2006	24 Julai 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.156	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.17) 2006 -P.U.(A) 195 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.157	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.18) 2006 -P.U.(A) 196 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.158	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Elaun Di Bawah Skim Latihan Pasaran Modal Bagi Graduan Menganggur) 2006 -P.U.(A) 203 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.159	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2006 -P.U.(A) 204 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.160	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.20) 2006 -P.U.(A) 205 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.161	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.21) 2006 -P.U.(A) 206 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.162	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) 2006 -P.U.(A) 207 bertarikh 1 Jun 2006	24 Julai 2006
ST.163	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2006 -P.U.(A) 65 bertarikh 23 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.164	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2006 -P.U.(A) 66 bertarikh 23 Februari 2006	24 Julai 2006

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.165	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2006 -P.U.(A) 67 bertarikh 23 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.166	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2006 -P.U.(A) 68 bertarikh 23 Februari 2006	24 Julai 2006
ST.167	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2006 -P.U.(A) 105 bertarikh 22 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.168	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2006 -P.U.(A) 106 bertarikh 22 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.169	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.5) 2006 -P.U.(A) 107 bertarikh 22 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.170	Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) (Pindaan) 2006 -P.U.(A) 123 bertarikh 23 Mac 2006	24 Julai 2006
ST.171	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.6) 2006 -P.U.(A) 142 bertarikh 6 April 2006	24 Julai 2006
ST.172	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2006 -P.U.(A) 143 bertarikh 4 April 2006	24 Julai 2006